

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PELANCARAN KURSI TAN SRI DR. NOORDIN SOPIEE MENGENAI
KAJIAN GLOBAL DI DEWAN BUDAYA, USM, PULAU PINANG
4 SEPTEMBER 2006

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

YBHG. PROFESOR DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK
NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

YBHG. DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN
PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
INSTITUT KAJIAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA (ISIS) MALAYSIA

YBHG. PUAN SRI SHAMSIAH MD. HASHIM

AHLI-AHLI AKADEMIK

DIF-DIF JEMPUTAN

PARA PELAJAR SERTA HADIRIN SEKALIAN

1. SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA ATAS LIMPAH RAHMAT-NYA JUA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA PADA MAJLIS YANG PENUH BERMAKNA INI. KITA BERKUMPUL DI KAMPUS U.S.M. INI UNTUK MERENUNG KEMBALI JASA, BUDI DAN SUMBANGAN BESAR SEORANG ANAK WATAN TERHADAP TANAHAIRNYA; SEORANG PEMIKIR, PENULIS, AHLI STRATEGI DAN PENGANALISIS YANG SANGAT PEKA DAN SAYANGKAN BANGSA DAN NEGARANYA. AMAT KENALAH MASANYA, APATAH LAGI BAGI U.S.M. INI, UNTUK MENOBATKAN BELIAU YANG JUGA BERASAL DARI NEGERI PULAU PINANG PADA KEDUDUKAN YANG SEWAJARNYA. KENALAH JUGA TEMPATNYA UNTUK U.S.M. BERSAMA ISIS MALAYSIA MENUBUHKAN KURSI TAN SRI DR. NOORDIN SOPIEE MENGENAI KAJIAN GLOBAL UNTUK DITEMPATKAN DI U.S.M., SELARAS DENGAN KEWIBAWAAN TOKOH YANG SANGAT BERJASA INI.

2. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA U.S.M. DAN ISIS MALAYSIA ATAS KEJAYAAN TERSEBUT. INI MERUPAKAN SATU PERMULAAN YANG BAIK. KOMBINASI DUA BUAH INSTITUSI ILMU SEPERTI INI SUDAH TENTUNYA AKAN MEMBERI FAEDAH BESAR KEPADA NEGARA. APATAH LAGI DENGAN PELBAGAI ISU GLOBAL YANG ADA SEKARANG INI, MAKA PENUBUHAN KURSI INI AMAT BERMAKNA SEKALI. SAYA YAKIN, KURSI INI AKAN DIISI OLEH TOKOH YANG BERWIBAWA YANG SESUAI DENGAN KETOKOHAN TAN SRI DR. NOORDIN SOPIEE (ALLAHYARHAM) SENDIRI.

3. KURSI YANG AKAN DILANCARKAN HARI INI SANGAT BERERTI. IA MELAMBANGKAN NILAI DAN PENGHARGAAN TINGGI YANG DIBERIKAN OLEH NEGARA DAN MASYARAKAT KEPADA TOKOH PEMIKIR DAN ILMUAN. MEREKALAH YANG SERING DI BARISAN HADAPAN MENEROKAI KEMAJUAN DENGAN IDEA DAN PENULISAN MEREKA. ALLAHYARHAM NOORDIN SOPIEE ADALAH YANG TERBILANG DI ANTARA MEREKA.

4. KURSI INI JUGA MELAMBANGKAN KEPENTINGAN KAJIAN ISU-ISU BERSIFAT GLOBAL KEPADA NEGARA, YANG MENYENTUH KESEJAHTERAAN MANUSIA SEJAGAT. IANYA SELARAS DENGAN PERANAN YANG DIMAINKAN NEGARA DI PERSADA ANTARABANGSA – YANG BOLEH DIIBARATKAN SEBAGAI “PUNCHING ABOVE OUR WEIGHT”.

5. HARI INI TERDAPAT PELBAGAI ISU GLOBAL YANG MEMERLUKAN PERHATIAN DAN PANDANGAN SERTA ULASAN SEGERA, TERUTAMANYA ISU-ISU YANG MEMBERI KESAN LANGSUNG KEPADA KITA. KAJIAN-KAJIAN SEPERTI INI AKAN MEMBERI IMPAK BESAR KEPADA DASAR DAN PENDIRIAN NEGARA MENGENAI KEADAAN DI SEKELILING KITA. ISU-ISU YANG MENARIK PERHATIAN TERMASUKLAH ISU-ISU SEPERTI KEWIBAWAAN DAN KEBERKESANAN PRASARANA PENGURUSAN GLOBAL SEPERTI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU; KESAN GLOBALISASI KE ATAS NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA; ALIRAN DAN PROSPEK EKONOMI GLOBAL, TERMASUK KEBANGKITAN GERGASI EKONOMI CHINA DAN INDIA; PEMBANGUNAN INSTITUSI SERANTAU SEPERTI ASEAN, ASEAN+3 DAN SIDANG KEMUNCAK ASIA TIMUR; ISU-ISU YANG MENYENTUH ALAM SEKITAR GLOBAL; ISU KEAMANAN DAN KESELAMATAN; KEDUDUKAN NEGARA-NEGARA ISLAM DI DUNIA; SERTA SOAL HAK ASASI MANUSIA.

6. KITA TELAH PUN MELIHAT DENGAN JELAS APA YANG BERLAKU BERIKUTAN SERANGAN 11 SEPTEMBER DAN TINDAKBALAS YANG DIAMBIL OLEH AMERIKA SYARIKAT DAN SEKUTUNYA. KESTABILAN DUNIA DALAM KEADAAN YANG TIDAK MENENTU, ANCAMAN KESELAMATAN DAN KEGANASAN TELAH MENINGKAT, DAN DUNIA ISLAM LEBIH TERANCAM.

7. KITA JUGA MELIHAT BAGAIMANA MASALAH ASIA BARAT YANG BERTERUSAN DAN BEGITU MEMBERI IMPAK BESAR KEPADA KITA SEMUA. BEGITU JUGA DENGAN KEJADIAN-KEJADIAN LAIN, TERMASUK APA YANG BERLAKU DI AFGHANISTAN, NEGARA-NEGARA AFRIKA, BOSNIA HEZEGOVINA DAN BANYAK LAGI. SEMUANYA MEMBERI KESAN LANGSUNG KEPADA KITA, APATAH LAGI APABILA IA MEMBAWA KEPADA KENAIKAN HARGA MINYAK DAN BAHAN API.

8. DALAM PADA ITU, KITA JUGA HARUS TERUS MEMBERI PERHATIAN TELITI KEPADA KEPENTINGAN KESTABILAN DAN KEMAKMURAN DI ASIA TENGGARA DAN ASIA TIMUR. KITA PERLU PEKA TERHADAP PERKEMBANGAN YANG BERPOTENSI UNTUK MENINGKATKAN KETEGANGAN DAN KONFLIK DI RANTAU INI, DISAMPING Mencari PELUANG-PELUANG BARU YANG DAPAT DIMANFAATKAN BAGI KEDAMAIAN SERTA PEMBANGUNAN NEGARA-NEGARA SERANTAU, TERUTAMANYA BAGI MALAYSIA.

9. SAYA FIKIR, SEMUA INI ADALAH ANTARA ISU-ISU MENARIK YANG SEHARUSNYA DIBERI TUMPUAN. PEMBANGUNAN EKONOMI SERANTAU DEMI PEMBANGUNAN RAKYAT BERSAMA TIDAK HARUS DILIHAT HANYA SECARA ILMIAH DALAM KONTEKS GLOBAL. INI BERMAKNA KITA HARUS BERUSAHA UNTUK MEMBANGUN BERSAMA DENGAN RAKAN-RAKAN KITA DI RANTAU INI, BERKONGSI IDEA DAN SUMBER MODAL INSAN SECARA PINTAR, TERMASUK MELALUI HUBUNGAN BERASASKAN I.C.T. YANG MUNGKIN BERSIFAT MAYA ATAU "VIRTUAL". SEMUA INI HARUSLAH DIASASKAN KEPADA PEMBANGUNAN IDEA DAN KERANGKA KERJA YANG JELAS, YANG DAPAT MENYUMBANG KEPADA KEAMANAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

10. UNIVERSITI, DENGAN CERDIK PANDAI YANG ADA, TENTUNYA DAPAT MEMBANTU NEGARA DALAM MEMPERCEPATKAN PROSES PEMBANGUNAN YANG KITA INGINKAN. PERKARA INI HARUS DILIHAT SECARA MENYELURUH BAGI MEMASTIKAN KEMAKMURAN SEJAGAT DAPAT DIBINA, DEMI MEMBANGUNKAN SATU TAMADUN BERASASKAN ILMU PENGETAHUAN DAN KEDAMAIAN YANG DAPAT DINIKMATI BERSAMA. BARANGKALI, KITA HARUS BERTOLAK DARI IDEA DAN GAGASAN BESAR PARA PEMIKIR KITA, SEPERTI ALLAHYARHAM TAN SRI DR. NOORDIN SOPIEE SENDIRI. KITA DAPAT MELIHAT BAGAIMANA BELIAU MENGADUNKAN ANTARA SENSITIVITI PENGAMATAN, PERTIMBANGAN AKAL BUDI DAN KEWAJARAN DALAM MEMASTIKAN HASRAT SEDEMIKIAN DAPAT BENAR-BENAR DIHAYATI DAN DIBERI ERTI DAN MAKNA.

11. UNIVERSITI JUGA HARUS BIJAK MEMUPUK BUDAYA BERFIKIR DAN MENGANALISIS SECARA BERTERUSAN. BUDAYA SEPERTI INI, YANG MENJADI TUNJANG KEPADA PENUBUHAN UNIVERSITI ITU SENDIRI, HARUS TERUS DIPERTAHANKAN. UNIVERSITI HARUS MENJADI NADI DALAM PENGHASILAN TOKOH-TOKOH PEMIKIR SUPAYA DAPAT MEMBERI INPUT DAN MAKLUMBALAS SECARA PRODUKTIF, BERKECUALI DAN BERASASKAN FAKTA RASIONAL. SESUAI DENGAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI SUMBER INTELEKTUAL UTAMA, SAYA MENGHARAPKAN AHLI-AHLI AKADEMIK KITA BERSEEDIA BERKONGSI KEPAKARAN DAN KEILMUAN MEREKA, TERMASUK DENGAN PARA PEMIMPIN DAN INSTITUSI KEMASYARAKATAN LAIN, DALAM Mencari sumber pemikiran yang asli dan berkualiti.

12. INI YANG HARUS TERUS DISEMAI DAN DISUBURKAN AGAR UNIVERSITI KITA TIDAK HANYA MENJADI KILANG BAGI MENGELUARKAN SUMBER MANUSIA YANG DIPERLUKAN NEGARA; LEBIH PENTING, KITA DAPAT MEMBENTUK PARA ILMUAN YANG MAMPU MENGUPAS PELBAGAI PERSOALAN BESAR DAN KECIL, YANG MERENTASI SEMPADAN GEOGRAFI DAN DISIPLIN KEILMUAN. ADALAH WAJAR BAGI AHLI-AHLI AKADEMIK KITA MENONJOLKAN DIRI SEBAGAI TOKOH-TOKOH BERWIBAWA YANG DISEGANI DAN MENJADI SUMBER RUJUKAN DI DALAM DAN LUAR NEGARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

13. SAYA AMAT BERHARAP, MENGAMBIL SEMANGAT DAN KETOKOHAN TAN SRI DR. NOORDION SOPIEE (ALLAHYARHAM), SERTA PENUBUHAN KURSI TAN SRI DR. NOORDIN SOPIEE DI KAMPUS U.S.M. INI, MAKA USAHA PENYUBURAN ILMU DAN PEMBANGUNAN INTELEKTUAL AKAN DAPAT DIBERI TUMPUAN YANG SEWAJARNYA. KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN USAHA INI AKAN TERUS DIPERKUKUH DAN DIPERKASAKAN DALAM MEMBERI ERTI DAN MAKNA KEPADA PENUBUHAN UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG ADA. KEPAKARAN YANG ADA HARUS DIMANFAATKAN UNTUK PEMBANGUNAN ILMU DAN KEMANUSIAAN SECARA MENYELURUH. ITULAH SEBENARNYA YANG DIHASRATKAN DARIPADA PENUBUHAN KURSI TAN SRI DR. NOORDIN SOPIEE INI – MEMARTABATKAN KEMANUSIAAN SEJAGAT MELALUI PENGUSAHAAN ILMU SERTA MELETAKKAN CENDEKIAWAN PADA KEDUDUKAN YANG SEWAJARNYA. SEMOGA ALLAH S.W.T. MEMBERKATI NIAT IKHLAS DAN USAHA MURNI INI.

14. TAHNIAH SEKALI LAGI KEPADA U.S.M. DAN ISIS MALAYSIA DI ATAS USAHA PENUBUHAN KURSI INI UNTUK MENGHARGAI DAN MENGENANG TOKOH YANG SANGAT DEKAT DI HATI KITA. MARILAH JUGA KITA DOAKAN AGAR ROHNYA DICUCURI RAHMAT DAN APA JUA FAEDAH DARI KURSI INI AKAN DIBERIKAN PAHALA KEPADANYA SEBAGAI MENGENANG ILMU TINGGALANNYA YANG TERUS DIRUJUK, DIGUNA DAN DIKEMBANGKAN. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN PENUH TAKZIM MELANCARKAN KURSI TAN SRI DR. NOORDIN SOPIEE MENGENAI KAJIAN GLOBAL DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

TERIMA KASIH.